

KKM disaran tubuh pasukan pemantau bebas

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) disaran menubuhkan pasukan pemantau bebas di setiap negeri bagi menilai dan mengkaji isu dihadapi di kemudahan kesihatan.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Adnan Mat, berkata pasukan pemantau bebas itu boleh menjalankan pemeriksaan dan penilaian risiko sebelum membentangkan hasil dapatan kepada pengurusan tertinggi KKM bagi dicari penyelesaian.

"Antara perkara yang boleh dinilai pasukan ini membabitkan kecukupan kakitangan pada pelbagai peringkat, beban tugas pengendalian kes COVID-19 dan rawatan untuk kes lain.

"Turut perlu diambil kira ialah keadaan hospital, kelengkapan peralatan termasuk pakaian perlindungan diri (PPE), kenderaan yang baik dan mencukupi serta pertukaran syif untuk memas-



Petugas bukan robot, sedikit sebanyak kesihatan badan dan emosi turut terkesan.

Adnan Mat,
Presiden CUEPACS

tikan kakitangan tidak bekerja berturut-turut dalam tempoh seminggu.

"Petugas bukan robot, sedikit sebanyak kesihatan badan dan emosi turut terkesan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai Pegawai Perubatan KKM, Dr Ali Noor Hassan, yang meninggal dunia Isnin lalu ketika bertugas, sebelum tular di laman sosial.

Bagaimanapun, KKM mengesahkan Allahyarham meninggal dunia disebabkan pendarahan dalam otak dan bukan kerana kepenatan beban tugas.

Adnan berkata, ketua jabatan perlu berperanan penting dalam situasi getir dihadapi, termasuk menyelesaikan aduan kakitangan dengan sebaik mungkin dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan KKM.

"Jika ketua jabatan tidak dapat

menyelesaiannya, salurkan isu kepada pihak atasan di KKM, termasuk mengutamakan pengisian jawatan secara segera jika berlaku kekurangan kakitangan," katanya.

Beliau berkata, KKM juga perlu menjaga kebajikan kakitangan kerana keadaan mereka yang sakit atau tidak sihat menyukarkan usaha merawat pesakit dengan sempurna.

Katanya, setiap luahan atau aduan yang berulang kali diluahkan kakitangan perlu diambil tindakan pantas dan positif.

"Ia tidak memadai apabila mereka yang membangkitkan permasalahan hanya diberi nasihat untuk tidak mengulangi tindakan berkenaan.

"Sudah tiba masanya pihak atasan mengambil serius pandangan disuarakan kesatuan atau wakil kakitangan kerana hal kebajikan petugas barisan hadapan tidak boleh dipandang sebelah mata," kaktanya.